

Perangkap sampah risaukan penduduk

Oleh JAGATHESWARY NARAYANAN
n.jagatheswary@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Seramai 300 keluarga di Kampung Lee Kong Chian, Batu 5, Jalan Gombak dekat sini hidup dalam kebimbangan apabila perangkap sampah yang dipasang di Sungai Kerongkong yang mengalir melalui kampung itu tidak diurus dengan baik.

Ketua Kampung itu, Ng Chui Chong mendakwa, pemasangan perangkap sampah itu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini telah mengundang masalah takungan sampah sarap yang teruk di kampung itu.

“Pemasangan perangkap sampah ini telah menyebabkan air sungai yang mengalir dengan lancar sebelum ini menjadi semakin perlahan.

“Bukan itu sahaja, kami dapati longgokan sampah seperti botol plastik, tin kosong, dahan-dahan kayu serta sisa pepejal yang lain terperangkap untuk tempoh yang lama,” katanya pada sidang akhbar berhubung aduan masalah perangkap sampah kepada Pengerusi MCA Wangsa Maju, Datuk Yew Teong Look di kampung itu semalam.

Kata Chui Chong, longgokan sampah dan takungan air sungai seterusnya mengundang bau busuk yang teruk dan mengganggu ketenteraman penduduk.

Sementara itu, Teong Look berkata, Sungai Kerongkong terlibat dalam projek ‘River of Life’ yang diperkenalkan kerajaan untuk memulih dan memulihara sungai-sungai di Lembah Klang bagi mengurangkan hakisan.

Bagaimanapun, katanya, perangkap sampah yang dipasang oleh kontraktor DBKL itu tidak begitu sesuai dan perlu dialihkan segera agar masalah longgokan sampah dapat diatasi.

“Saya juga mencadangkan agar reka



TEONG LOOK (depan) melihat longgokan sampah pada perangkap sampah di Sungai Kerongkong, Gombak semalam.

bentuk perangkap ini dikaji semula oleh pihak DBKL supaya ia lebih sesuai dengan keadaan geografi sungai ini.

“Selain itu, DBKL perlu mengelak daripada memasang perangkap sampah di sungai berhampiran penempatan penduduk,” ujarinya.

Dalam pada itu, seorang wakil daripada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran DBKL memberitahu, pihaknya sudah meminta kontraktor yang dilantik membersihkan longgokan sampah tersebut setiap hari.

Katanya, isu itu akan dibawa ke mesyuarat DBKL akan datang supaya pemasangan perangkap sampah itu dikaji semula dan dialihkan ke tempat lain.

Bersama Masyarakat

Kelolaan **LILY YEAN** dan **KUMARA SABAPATTY**

Setiap hari Isnin hingga Jumaat



PARA pembaca daripada kalangan masyarakat Cina dan India yang ingin mengemukakan sebarang info boleh hubungi wartawan **Kosmo!**, **LILY YEAN** atau **KUMARA SABAPATTY** di talian 03-9221 4001 atau e-mel kepada berita@kosmo.com.my.